



**KESATUAN PERKHIDMATAN PERGURUAN KEBANGSAAN MALAYSIA**  
(National Union Of The Teaching Profession Malaysia)

Tel : 03-6251 0621 / 6251 0623  
Faks : 03-6251 1060 / 6258 2946 / 6257 2414 (direct SUA)  
E-mel : mail@nutp.org / nutphq@gmail.com  
Laman Web : http://www.nutp.org

Presiden  
**Sdr. Kamarozaman Bin Abd. Razak**

Setiausaha Agung  
**Sdr. Harry Tan Huat Hock, PJK**

## KENYATAAN AKHBAR

**Kepada : Ketua Pengarang  
Semua Akhbar dan Media Tempatan**

**Daripada : Sdr. Harry Tan Huat Hock, PJK  
Setiausaha Agung  
NUTP**

**Telefon Bimbit : 0126358065**

**Tarikh : 10 Februari 2018 (Sabtu)**

## **MOHON KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA SELARASKAN CUTI TAHUN BARU CINA TAHUN 2018**

Pihak NUTP ingin merujuk kepada Cuti Perayaan Tahun Baru Cina yang mana surat siaran Kementerian Pendidikan Malaysia Bil. 10 Tahun 2017 iaitu Takwim Penggal dan Cuti Persekolahan Tahun 2018 yang dikeluarkan oleh Pejabat Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia memaklumkan telah memperuntukkan Cuti Perayaan Tahun Baru Cina pada 15 Februari 2018 (Khamis) dan 19 Februari 2018 (Isnin).

Namun demikian, pihak NUTP masih menerima aduan dari guru-guru dan pensyarah-pensyarah di beberapa institusi pendidikan yang memaklumkan ketua Jabatan mereka telah mengeluarkan arahan bertentangan dengan surat siaran Bil. 10 Tahun 2017 iaitu Takwim Penggal dan Cuti Persekolahan Tahun 2018.

.../2



**KESATUAN PERKHIDMATAN PERGURUAN KEBANGSAAN MALAYSIA**  
(National Union Of The Teaching Profession Malaysia)

Tel : 03-6251 0621 / 6251 0623

Faks : 03-6251 1060 / 6258 2946 / 6257 2414 (direct SUA)

E-mel : mail@nutp.org / nutphq@gmail.com

Laman Web : <http://www.nutp.org>

Presiden

**Sdr. Kamarozaman Bin Abd. Razak**

Setiausaha Agung

**Sdr. Harry Tan Huat Hock, PJK**

-2-

Sedangkan perkara ini telah dipersetujui oleh Pengarah atau Wakil Negeri dalam mesyuarat Penyediaan Takwim Persekolahan. Setiap Pengarah atau Wakil Negeri perlu mematuhi dan akur dengan keputusan yang diputuskan dengan mengikut surat siaran yang dikeluarkan tersebut. Pada pandangan NUTP, mana-mana Ketua Jabatan yang ingkar, NUTP merayu agar YB Dato' Seri Mahdzir bin Khalid, Menteri Pendidikan Malaysia dapat membantu dalam menyelesaikan masalah ini.

NUTP juga memohon YB Menteri Pendidikan Malaysia dapat campur tangan dalam perkara ini dan seterusnya dapat selaraskan Cuti Tahun Baru Cina di semua Institusi Pendidikan agar tidak wujudnya salah faham dikalangan guru-guru atau pensyarah-pensyarah dengan Ketua Jabatan.

Selain itu, penyelarasan ini juga bertujuan memberi mesej yang kita semua merupakan masyarakat 1Malaysia. Oleh itu, semua perayaan utama mesti diraikan oleh semua golongan tanpa berkecuali. Ini juga memudahkan urusan setiap keluarga membuat perancangan perjalanan yang selamat jika cuti perayaan ini diselaraskan kepada semua.

( HARRY TAN HUAT HOCK, PJK )  
SETIAUSAHA AGUNG  
NUTP